



Penduduk melihat hakisan tanah yang berlaku Kampung Sungai Sering akibat hujan lebat yang melanda kawasan itu.

SH 27-06-08 M/S 54

Bimbang masalah hakisan tanah akibat hujan lebat

HULU KELANG- Rata-rata penduduk di Kampung Sungai Sering dekat sini melahirkan rasa kesal kerana hujan lebat tiga hari lalu telah menyebabkan berlakunya hakisan tanah di jalan utama kampung itu.

Dipercayai lebih kurang 300 keluarga menggunakan jalan itu sebagai laluan utama untuk keluar dan masuk kampung berkenaan sejak menetap di kawasan itu pada tahun 1989.

Jawatankuasa Penduduk Zon 2 Ampang Jaya, Baharuddin Yaman berkata terdapat projek pembinaan perumahan beroperasi berdekatan kampung itu dan ia antara pun-

ca berlakunya hakisan tersebut.

Katanya, penduduk sudah lama memohon untuk projek pembinaan longkang, namun sebarang tindakan belum diambil pihak berkenaan.

“Masalah ini boleh mengundang bahaya kepada orang ramai dan tidak mustahil sekiranya hujan lebat melanda lagi, jalan yang sering penduduk gunakan akan terhakis lagi,” katanya.

Bagi Mohd Basir Dollah, dia risau sekiranya masalah ini tidak diberi perhatian segera akan menyebabkan berlakunya banjir di kawasan kampung berdekatan.

“Saya harap masalah ini dapat diselesaikan segera kerana ia satu-satunya jalan utama kepada penduduk di sini dan akan menyebabkan berlakunya banjir lumpur,” katanya.

Yusof Saad berkata, jika dibiarkan hakisan akan terus berlaku dan tidak mustahil penduduk akan terputus hubungan dan sukar sekiranya berlaku sebarang kecemasan.

Sementara itu penduduk mendakwa kerajaan sebelum ini telah meluluskan peruntukkan membaik pulih longkang, namun setelah kerajaan Pakatan Rakyat (PR) mengambil alih peruntukan tersebut dihentikan.